



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2008
TINGKATAN 4

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAH:

Jawab lima soalan sahaja: semua soalan dalam Bahagian A dan mana-mana satu soalan dalam Bahagian B.

Bersama dengan kertas soalan ini, setiap calon akan diberi alat tulis perakaunan berikut :

<i>Buku Tunai</i>	<i>2 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
<i>Lembaran Kerja</i>	<i>2 helai</i>

*Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah
Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan*

Mulakan tiap - tiap jawapan pada halaman yang baru

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

Bahagian A

Jawab semua soalan dalam bahagian ini

1. Puan Nur Arina, pemilik kedai "Kedai Sukan Arina" yang membekal alatan sukan di bandar Kemaman, memberi baki-baki berikut mengenai perniagaannya pada 1 Julai 2008:

	RM
Overdraf bank	1 275
Stok	19 872
Tunai di tangan	88
Premis	45 800
Modal	64 485

Sepanjang bulan Julai 2008, urus niaga yang dijalankan ditunjukkan oleh dokumen-dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

Berdasarkan dokumen-dokumen perniagaan yang diberi dalam **Lampiran A**, anda dikehendaki menyediakan :

- (a) catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan) [10 $\frac{1}{2}$ markah]
- (b) catatan dalam lejar berkenaan [11 markah]
- (c) Imbangan Duga pada 31 Julai 2008 [7 $\frac{1}{2}$ markah]

2. Kedai Runcit Saleena beroperasi di Taman Sentosa, Bukit Payung, Terengganu . Berikut adalah baki-baki akaun yang diperoleh daripada buku-buku perniagaannya pada 30 September 2008:

Imbalan Duga pada 30 September 2008

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 Oktober 2007		15 974
Stok 1 Oktober 2007	9 408	
Tunai	200	
Penghutang dan Pembiutang	3 180	1 800
Pinjaman bank		1 450
Kenderaan (kos)	10 000	
Sewa	2 400	
Belian dan Jualan	14 426	25 400
Upah atas belian	150	
Pulangan	504	
Komisen		274
Peruntukan susut nilai kenderaan		700
Kadar bayaran	815	
Insurans	4 900	
Faedah pinjaman bank	145	
Bank	<hr/> 46 128	<hr/> 530
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Maklumat tambahan:

- (i) Stok pada 30 September 2008 bernilai RM11 505 pada harga kos dan RM10 505 pada harga pasaran.
- (ii) Insurans tahunan ialah RM4 200.
- (iii) Ambilan barang niaga berjumlah RM 238 belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (iv) Peruntukan hutang rugu hendaklah diselaraskan 5% atas penghutang.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan akaun penamat :

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 2008. [10 markah]
- (b) Kunci Kira-kira pada tarikh tersebut dengan menunjukkan modal kerja. [9 markah]

3. Berikut ialah maklumat daripada Jasa Bakti Enterprise bagi bulan Oktober 2008.

2008 Oktober			RM
	1	Penerimaan tunai daripada juru wang	250
	2	Bayar petrol motosikal	15
	3	Belanja minuman pelawat	18
	5	Beri derma kepada Rumah Orang Tua	40
	8	Menghantar bungkusan berdaftar	24
	12	Bayar tambang teksi	15
	17	Beli dakwat printer	26
	21	Beli setem dan sampul surat	8
	24	Beli perabot	400
	28	Upah membersih pejabat	10
	30	Bayar gaji pekerja	500

- (a) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan lajur analisis Tambang, Belanja Pos dan Belanja Am. [10 markah]
- (b) Nyatakan kegunaan Buku Tunai Runcit. [2 markah]

4. Berikut ialah kedudukan aset dan liabiliti Perniagaan Seri Tanjung, sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaannya di bandar Dungun pada 31 Ogos 2008

**Perniagaan Seri Tanjung
Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2008**

	RM		RM
Perabot	7 000	Modal	30 000
Alatan Pejabat	2 500	Pembiutang	540
Penghutang	5 980	Kadar bayaran terakru	140
Stok	10 200		
Bank	5 000		
	30 680		30 680

Urus niaga dalam bulan Ogos 2008 adalah seperti berikut:

- (i) Belian kredit barang niaga bernilai RM1 440
- (ii) Menjual barang niaga secara kredit bernilai RM2 500. Kos barang niaga tersebut bernilai RM2 100.
- (iii) Pemilik perniagaan membawa masuk sebuah komputer kepunyaannya bernilai RM2 500 ke dalam perniagaan.
- (iv) Menerima cek daripada penghutang RM 1 050.
- (v) Jual sebahagian daripada perabot terpakai secara tunai RM800. Wang dibankkan.
- (vi) Pemilik telah mengambil barang niaga RM250 untuk kegunaan keluarganya.
- (vii) Menjelaskan hutang kepada pembiutang dengan cek RM1 000 dan terima diskau RM80.

Berdasarkan Kunci Kira-kira dan maklumat di atas anda dikehendaki menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2008

Bahagian B

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

5. (a) Anda dikehendaki menghitung susut nilai tahunan bagi aset-aset berikut di dalam petak yang disediakan di bawah:

Aset	Kos (1 Jan 2007)	Peruntukan Susut Nilai (1 Jan 2007)	Kadar Susut Nilai	Kaedah Susut Nilai	Belanja Susut Nilai (Akaun Untung Rugi)	Peruntukan Susut Nilai (Kunci Kira-Kira)
			(bagi tahun berakhir 31 Disember 2007)			
Contoh Kenderaan	55 000	5 500	10%	Garis Lurus	5 500	11 000
Mesin	4 800	480	10%	Baki Berkurangan		
Perabot	900	0	20%	Atas kos		
Alatan Pejabat	6 500	2 340	20%	Baki Berkurangan		
Peralatan	8 000	0	10%	Garis Lurus		
Premis	90 000	27 000	10%	Atas kos		
Lengkapan	12 000	2 400	5%	Ansuran tetap		

[6 markah]

- (b) Berikut adalah maklumat yang dipetik daripada buku Perniagaan Jamal Sdn. Bhd.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2008

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jentera (kos)	60 000	
Peruntukan Susut Nilai		6 000

Maklumat tambahan :

Perniagaan Jamal Sdn. Bhd. telah menetapkan peruntukan susut nilai jentera ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan

- (i) Akaun Belanja Susut Nilai
- (ii) Akaun Peruntukan Susut Nilai
- (iii) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2008
- (iv) Kunci Kira-Kira pada 31 Julai 2008

[4 markah]

- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan Susut Nilai [2 markah]

6. Berikut adalah baki-baki akaun Kedai Pakaian Acutra pada 30 September 2008.

Akaun	Imbalan Duga pada 30 September 2008		Pelarasan		Kesan	
	Debit (RM)	Kredit (RM)	Terakru	Terdahulu	Ak.Untung Rugi	Kunci Kira-Kira
Contoh: Kadar bayaran	2400			400	2000	Kadarbayaran Terdahulu RM200
Gaji	8000		650			
Diskaun		2800		450		
Komisen		3000	300			
Insurans	1200			250		
Sewa	4000		200			
Faedah		500	100			

Maklumat tambahan: Untung Kasar ialah RM 47 500.

a) Anda dikehendaki:

i) Melengkapkan jadual di atas. [6 markah]

ii) Menyediakan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2008. [4 markah]

b) Nyatakan maksud belanja terdahulu dan hasil terakru. [2 markah]

DOKUMEN PERNIAGAAN

KEDAI SUKAN ARINA Tarikh: 2 Julai 2008
 7 Jalan Air Putih
 24000 Kemaman

Memo

Cek No: 100-2389 yang diterima daripada AZY Enterprise bernilai RM896 yang dibankkan pada 25 Jun 1999 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk kepada penyuruh bayar"

Arina
 Tandatangan Pengurus

DOKUMEN 1

KEDAI SUKAN ARINA

SALINAN	7 Jalan Air Putih 24000 Kemaman	Tarikh : 3 Julai 2008 No: 1162
---------	------------------------------------	-----------------------------------

Kepada:
 Fajar Biru FC
 Kampung Baru, Seri Bandi
 24220 Kemaman

INVOIS

Kuantiti	Barang	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)
1 Set	Baju bola sepak	3 300	3 300
20 biji	Bola sepak	250	5 000
1 pasang	Jaring bola sepak	620	620
20 pasang	Stoking	45	900
Jumlah kasar			9 820
Tolak: Diskaun niaga 10%			982
Jumlah bersih			8 838

(Ringgit: Lapan ribu lapan ratus tiga puluh lapan sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. D. K.

Khairul
 Penerima

Arina.....
 Pengurus

DOKUMEN 2

ASAL	INVOIS																																		
		Tarikh : 5 Julai 2008 No : AA3213																																	
KEM SPORT 22 Jalan Jaya 24300 Kerteh																																			
Kepada: Kedai Sukan Arina 7 Jalan Air Putih 24000 Kemaman																																			
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Kuantiti</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Item</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Harga seunit (RM)</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Amaun (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: left; padding: 2px;">50 batang</td> <td style="text-align: left; padding: 2px;">Kayu hoki</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">80</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">4 000</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 2px;">50 biji</td> <td style="text-align: left; padding: 2px;">Bola hoki</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">25</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">1 250</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 2px;">10 keping</td> <td style="text-align: left; padding: 2px;">Pad hoki</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">320</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">3 200</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 2px;">20 pasang</td> <td style="text-align: left; padding: 2px;">Kasut sukan</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">270</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">540</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: right; padding: 2px;">Jumlah kasar</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">8 990</td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: right; padding: 2px;">Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">1 798</td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: right; padding: 2px;">Jumlah bersih</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">7 192</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>				Kuantiti	Item	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)	50 batang	Kayu hoki	80	4 000	50 biji	Bola hoki	25	1 250	10 keping	Pad hoki	320	3 200	20 pasang	Kasut sukan	270	540	Jumlah kasar		8 990		Tolak: Diskaun niaga 20%		1 798		Jumlah bersih		7 192	
Kuantiti	Item	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)																																
50 batang	Kayu hoki	80	4 000																																
50 biji	Bola hoki	25	1 250																																
10 keping	Pad hoki	320	3 200																																
20 pasang	Kasut sukan	270	540																																
Jumlah kasar		8 990																																	
Tolak: Diskaun niaga 20%		1 798																																	
Jumlah bersih		7 192																																	
(Ringgit: Tujuh ribu satu ratus sembilan puluh dua sahaja)																																			
Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. D. K.																																			
Arina Penerima		Shara Pengurus																																	

DOKUMEN 3

KEDAI SUKAN ARINA 7 Jalan Air Putih 24000 Kemaman	Tarikh: 6 Julai 2008
Memo <hr/> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin: auto;"> <i>Pemilik perniagaan memasukkan terus wang tunai peribadi RM12 000 ke dalam bank untuk kegunaan perniagaan</i> </div>	
Arina Tandatangan Pengurus	

DOKUMEN 4

SALINAN**KEDAI SUKAN ARINA**

7 Jalan Air Putih
24000 Kemaman

Tarikh: 9 Julai 2008
No: 5114

RESIT RASMI

Terima daripada : *Chin Chin & Co*
Sebanyak : *Ringgit : Lapan ratus lima puluh sahaja*
Bayaran untuk : *Sewa premis bulan Julai 1999*

RM 850/=		
Tunai	Cek	881431

Arina
Tandatangan Pengurus

DOKUMEN 5

ASAL**KEM SPORT**

22 Jalan Jaya
24300 Kerteh

Tarikh : 10 Julai 2008
No : ND 2117

Kepada:
Kedai Sukan Arina
7 Jalan Air Putih
24000 Kemaman

NOTA DEBIT

Kuantiti	Item	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)
20 pasang	Kasut sukan	270	5 400
	Kesilapan pada Invois No: AA 3213	270	540
	Perbezaan		4 860
	Tolak: Diskaun niaga 20%		972
	Terkurang catat		3 888

(Ringgit: Tiga ribu lapan ratus lapan puluh lapan sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. D. K.

Shara
Pengurus

DOKUMEN 6

KEDAI SUKAN ARINA

7 Jalan Air Putih
24000 Kemaman

Tarikh: 12 Julai 2008
No: 113/99

KEM SPORT
22 Jalan Jaya
24300 Kerteh

BAUCER PEMBAYARAN

Keterangan	Amaun
Invois No: AA3213	7 192
Nota Debit No: ND2117	3 888
Jumlah	-----
Tolak : Diskaun tunai 5%	11 080
	554
Jumlah bersih	-----
	10 526
	=====

(Ringgit : sepuluh ribu lima ratus dua puluh enam sahaja)
cek No: BBMB 2187641

Diluluskan oleh:

Akuan penerimaan

Arina
Pengurus

Shara
Penerima

DOKUMEN 7

KEDAI SUKAN ARINA

SALINAN

7 Jalan Air Putih
24000 Kemaman

Tarikh: 19 Julai 2008
No: 5115

RESIT RASMI

- Terima daripada : *Fajar Biru FC*
 Sebanyak : *Ringgit : Lima ribu tiga ratus sahaja*
 Bayaran untuk : *Invois No : 1162 (sebahagian)*

RM 5 300/=		
Tunai	Cek	642151

Arina
Tandatangan Pengurus

DOKUMEN 8

Haribulan :	22 Julai 2008	
Penerima :	Azimah Perabot	
Kerana :	Belian perabot	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	5 453	00
Dimasukkan	-----	-----
Jumlah	5 453	00
Cek ini	940	00
Baki	4 513	00
No: 2187642		

Keratan Cek

DOKUMEN 9

KEDAI SUKAN ARINA Tarikh: 24 Julai 2008
 7 Jalan Air Putih
 24000 Kemaman

Memo

AZY Enterprise diisyiharkan muflis. Baki hutang RM 896 dihapus kira sebagai hutang lapuk

Arina
 Tandatangan Pengurus

DOKUMEN 10

<p>SALINAN</p> <p>Kepada: Fajar Biru FC Kampung Baru, Seri Bandi 24220 Kemaman</p>	<p>KEDAI SUKAN ARINA</p> <p>7 Jalan Air Putih 24000 Kemaman</p>	<p>Tarikh : 25 Julai 2008 No: NK 017</p>																				
<p>NOTA KREDIT</p>																						
<p>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</p>																						
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Kuantiti</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Barang</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Harga seunit (RM)</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Amaun (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: left; padding: 2px;">5 biji</td> <td style="text-align: left; padding: 2px;">Bola sepak</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">250</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">1 250</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">Jumlah kasar</td> <td></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">1 250</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">Tolak: Diskaun niaga 10%</td> <td></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">125</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">Jumlah bersih</td> <td></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">1 125</td> </tr> </tbody> </table>			Kuantiti	Barang	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)	5 biji	Bola sepak	250	1 250		Jumlah kasar		1 250		Tolak: Diskaun niaga 10%		125		Jumlah bersih		1 125
Kuantiti	Barang	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)																			
5 biji	Bola sepak	250	1 250																			
	Jumlah kasar		1 250																			
	Tolak: Diskaun niaga 10%		125																			
	Jumlah bersih		1 125																			
<p>Barang dipulangkan kerana tersalah jenama</p>																						
<p>(Ringgit: Satu ribu satu ratus dua puluh lima sahaja)</p>																						
<p>Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. D. K.</p>																						
<p>..... <i>Arina</i> Pengurus</p>																						

DOKUMEN 11

<p>Haribulan : 28 Julai 2008</p> <p>Penerima : Koop SMK BAS</p> <p>Kerana : Iklan dalam majalah</p>																				
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;"></th> <th style="text-align: center; width: 30%;">Ringgit</th> <th style="text-align: center; width: 30%;">Sen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: right;">Baki akhir</td> <td style="text-align: center;">4 513</td> <td style="text-align: center;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Dimasukkan</td> <td style="text-align: center;">-----</td> <td style="text-align: center;">-----</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Jumlah</td> <td style="text-align: center;">4 513</td> <td style="text-align: center;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Cek ini</td> <td style="text-align: center;">250</td> <td style="text-align: center;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Baki</td> <td style="text-align: center;">4 263</td> <td style="text-align: center;">00</td> </tr> </tbody> </table>				Ringgit	Sen	Baki akhir	4 513	00	Dimasukkan	-----	-----	Jumlah	4 513	00	Cek ini	250	00	Baki	4 263	00
	Ringgit	Sen																		
Baki akhir	4 513	00																		
Dimasukkan	-----	-----																		
Jumlah	4 513	00																		
Cek ini	250	00																		
Baki	4 263	00																		
<p>No: 2187643</p>																				

Keratan Cek

DOKUMEN 12

KEDAI SUKAN ARINA

SALINAN

7 Jalan Air Putih
24000 KemamanTarikh : 30 Julai 2008
No: BT1014

Kepada:
 Encik Datini
 12 Jalan Serai Wangi
 24200 Kemasik.

BIL TUNAI

Kuantiti	Barang	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)
1 pasang	Kasut sukan	320	320
1 pasang	Baju sukan	280	280
	Jumlah kasar		600
	Tolak: Diskaun niaga 15%		90
	Jumlah bersih		510

(Ringgit: Lima ratus sepuluh sahaja)

Arina
Pengurus

RM 510.00		
Tunai	Gek	-

DOKUMEN 13

SOALAN TAMAT